

SOALAN LAZIM (FAQ)

Sistem Permohonan Pengecualian Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (RBEx)

1. Apakah RBEx?

RBEx ialah sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi mempermudah proses permohonan pengecualian untuk kenderaan barangan yang tertakluk dalam Jadual Larangan meneruskan operasi semasa tempoh larangan pemanduan, tertakluk kepada syarat dan kelulusan MOT.

2. Siapakah yang layak memohon RBEx?

RBEx boleh dipohon oleh pemilik atau pengendali kenderaan barangan yang terlibat dalam pergerakan atau penghantaran yang tertakluk kepada larangan pemanduan.

3. Apakah tujuan utama RBEx diperkenalkan?

RBEx diperkenalkan bagi:

- Sistem untuk mengawalselia kenderaan/ pemandu/ syarikat yang diberikan pengecualian
- Memastikan hanya kenderaan barangan yang benar-benar perlu sahaja diberikan pengecualian dengan pengemukaan dokumen sokongan yang ditetapkan
- Memudahkan operasi penguatkuasaan di lapangan

4. Apakah jenis kenderaan yang perlu memohon RBEx?

Kenderaan barangan yang:

- Tertakluk kepada larangan pemanduan

- Membawa muatan besar atau berat
- Mempunyai keperluan khusus dan berpotensi mendatangkan mudarat kepada umum sekiranya pergerakan tidak dibenarkan.

5. Apakah maklumat yang perlu dikemukakan dalam permohonan?

Pemohon perlu mengemukakan:

- Maklumat pemohon
- Butiran kenderaan
- Jenis dan tujuan muatan
- Laluan perjalanan
- Tempoh dan masa pergerakan
- LKM dan Permit berkuatkuasa
- Laporan Saringan Ujian air kencing yang disahkan oleh Pegawai Perubatan

6. Apakah yang dimaksudkan dengan pergerakan mengikut *time ban*?

Pergerakan mengikut *time ban* bermaksud kenderaan tertentu yang hanya dibenarkan bergerak dalam tempoh masa tertentu berdasarkan jadual larangan.

7. Adakah kelulusan RBEx diberikan secara automatik?

Tidak. Setiap permohonan akan melalui proses penilaian dan hanya akan diluluskan berdasarkan keperluan, justifikasi serta faktor keselamatan.

Surat pemakluman kelulusan akan diberikan kepada pemohon/pihak syarikat

8. Apakah syarat utama selepas kelulusan diberikan?

Pemohon wajib:

- Mengemukakan dokumen kelulusan semasa pemeriksaan
- Mematuhi masa dan laluan yang diluluskan
- Memastikan kenderaan dan pemandu mematuhi peraturan
- Memberi kerjasama kepada JPJ dan PDRM
- Tidak mengubah pergerakan tanpa kelulusan

9. Apakah tindakan jika syarat kelulusan tidak dipatuhi?

Sekiranya berlaku pelanggaran:

- Kelulusan boleh dibatalkan
- Tindakan penguatkuasaan boleh diambil
- Permohonan masa hadapan boleh ditolak

10. Berapa lama proses untuk kelulusan RBEx?

-Tiada tempoh masa ditetapkan.